

DATE: 11 / 11 / 2009

# Wujud apabila mereka mula mengajar perkara yang tidak munasabah Bai'ah cerminkan sikap Pas

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA  
muzdalifah.mustapha@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 10 Nov. – Konsep bai'ah dalam Pas mencerminkan sikap sebenar pemimpinnya yang cuba menjadikan Islam sebagai agama yang buruk, suka menekan dan tidak rasional.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, sikap itu wujud apabila Pas mula mengajar orang ramai tentang perkara-perkara yang tidak munasabah.

“Sebagai contoh, pemimpin Pas menyatakan sesiapa yang tidak mengundi Pas tidak akan masuk syurga.

“Malah sebelum itu, mereka juga boleh mengampunkan dosa seorang wanita sekiranya berani membuat pengakuan telah melakukan kesalahan, tidakkah itu sama seperti agama tertentu yang dengan mudah menjajikan pengampunan. Itu sudah salah dengan konsep agama Islam,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program ceramah *Gender Series Talk on Women's Role in Nation Building* anjuran Institut Pengupayaan Wanita NAM (NIEW) di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai pegangan politik Pas pada masa ini ekoran timbulnya isu amalan bai'ah iaitu ikrar taat setia di kalangan pemimpin Pas bahawa akan jatuh talak tiga kepada isteri masing-masing jika mereka keluar parti.

Dr. Mahathir berkata, sejak dulu, beliau menasihati semua parti supaya jangan sesekali mencampuradukkan politik dengan Islam kerana ia akan membawa ke arah perpecahan.

◀ Mereka dengan sewenang-wenangnya 'melepaskan' wanita semata-mata kerana kepentingan politik. Ini memang ada kaitan dengan polisi politik Pas. Saya tidak percaya dengan konsep itu

– DR. MAHATHIR MOHAMAD  
Bekas Perdana Menteri

Menurut beliau, bai'ah itu, jelas memperlekehkan wanita Islam yang seharusnya mereka diletakkan di tempat yang tinggi dan dihormati.

“Tetapi bagi ahli-ahli Pas, mereka dengan sewenang-wenangnya 'melepaskan' wanita semata-mata kerana kepentingan politik. Ini memang ada kaitan dengan polisi politik Pas. Saya tidak percaya dengan konsep itu.

“Begitu juga wanita-wanita Pas, tidakkah mereka fikir bahawa apa akan jadi dengan masa depan anak-anak mereka apabila sanggup memecah-belahkan keluarga sendiri.” ujarnya.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, Kementerian tidak mempunyai sebarang undang-un-

UM - 11/11/09



DR. Mahathir Mohamad menurunkan tandatangan sebagai tanda perasmian *Gender Series Talk on Women's Role in Nation Building* sambil diperhatikan oleh Shahrizat Abdul Jalil (kanan) dan Pengarah Niew, Datuk Rafiah Salim di Hotel J.W Marriot, semalam. – UTUSAN/ROY AZIS ABD AZIZ

dang bagi menangani dan membantunya wanita Islam yang terlibat dengan konsep bai'ah tersebut.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya tidak akan terus membenarkan Pas

melaksanakan ikrar taat setia itu kerana ia akan membawa implikasi yang sangat buruk terutama kepada wanita Islam dalam negara.

“Saya bimbang tindakan mereka

itu adalah usaha untuk menutup suara wanita Islam. Kita perlu lakukan sesuatu, isu yang hina dan keji itu tidak boleh dibiarkan begitu sahaja,” kata beliau.